

**KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DIKALANGAN PELAJAR KOLEJ  
KOMUNITI BANDAR PENAWAR DAN KOLEJ KOMUNITI PASIR  
GUDANG**

**YUSRIZAL BIN YUSOF**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DIKALANGAN PELAJAR KOLEJ  
KOMUNITI BANDAR PENAWAR DAN KOLEJ KOMUNITI PASIR GUDANG

YUSRIZAL BIN YUSOF

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Sains

Fakulti Sains  
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2012

Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

## **DEDIKASI**

**Saya dedikasikan penulisan ini buat isteri saya,  
*Faizah Binti Ramli,*  
yang sentiasa bersama dan menyokong saya  
bertahun-tahun lamanya semasa susah dan senang.**

**Beliau adalah pasangan dan  
kawan yang setia lagi memahami  
serta ‘mama’ yang mengagumkan  
kepada anak-anak saya,**

*Nur Amnani Insyirah*

*Nur Amnani Hamizah*

*Muhammad Amni Hasif*

*Nur Amnani Kaiyisah Safiah*

**Terima kasih kerana memberikan saya  
anak-anak yang sangat comel dan hebat...**

**Tanpa beliau, segala-galanya mustahil dan  
dengan sokongannya, dunia saya menjadi  
tidak terbatas.**

## PENGHARGAAN

Syukur *Alhamdulillah*, saya rafa'kan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin, taufiq dan inayah-Nya maka dapat menyiapkan penulisan penyelidikan ini menurut jadual dan sebagai memenuhi syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Cik Nur Husna Bin Abd. Wahid yang banyak membantu saya dari pelbagai segi untuk menyiapkan penulisan penyelidikan ini. Kesabaran, keprihatinan dan tunjukajar beliau amat saya hargai.

Tidak lupa juga penghargaan ini dihadiahkan kepada kakitangan-kakitangan Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Pasir Gudang yang sudi memberi kerjasama dalam memberi maklumat berkaitan kolej masing-masing dan juga membantu dalam menjayakan penyelidikan ini. Begitu juga dengan pelajar-pelajar kolej yang sudi meluangkan masa untuk melengkapkan instrumen soal selidik yang diberikan.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan untuk mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini. Penglibatan anda semua akan saya kenang. Terima kasih.

## ABSTRACT

Entrepreneurship is an area which is making progress in line with government's call that gave impetus to many Malaysians to be entrepreneurs as a first choice career. The study was conducted to determine whether the students in the area of vocational at the Community College (CC) have the intention to become entrepreneur upon graduation. The study focuses on the final year undergraduates in the area of vocational from CC in the south region of Malaysia. The CC chosen were Community College Bandar Penawar (CCBP) and Community College of Pasir Gudang (CCPG). The study conducted was based on the Theory of Planned Behaviour. The instrument used for the study was *The Entrepreneurial Intention Questionnaire* (EIQ) developed by Linan, Urbano dan Guerrero (2007). Data were collected using a set of questionnaire.. Reliability of the questionnaire was tested using Cronbach Alpha, where alpha value for each of the above  $\alpha = 0.6$ . Data were analysed using Statistical Package for the Social Science (SPSS ver. 15) to obtain the frequency, mean and standard deviation. This study also analyses using t-test and ANOVA. The results of this study indicate that the motivation factor and environmental factors influencing interest in entrepreneurship at a moderate level. While there are positive and significant relationship between exposure to courses in entrepreneurship education, entrepreneurial experience and type of courses taken on entrepreneurial intention.. From the study, it was found that the vocational undergraduates as a whole have the intention toward entrepreneurship.

## ABSTRAK

Keusahawanan adalah suatu bidang yang kini semakin berkembang maju selaras dengan seruan kerajaan yang banyak memberi dorongan kepada rakyat Malaysia agar menjadikan usahawan sebagai kerjaya utama. Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti samada para pelajar kemahiran vokasional Kolej Komuniti (KK) mempunyai kecenderungan untuk menjadi usahawan atau tidak selepas mereka tamat pengajian kelak. Kajian ini tertumpu kepada pelajar tahun akhir bidang kemahiran vokasional kolej komuniti di kawasan selatan Semenanjung Malaysia. KK yang dipilih untuk kajian ini ialah Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) dan Kolej Komuniti Pasir Gudang (KKPG). Kajian yang dijalankan adalah berasaskan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behavior.*). Pengukuran bagi kajian ini pula adalah berasaskan *The Entrepreneurial Intention Questionnaire* (EIQ) yang dibentuk oleh Linan, Urbano dan Guerrero (2007). Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik. Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan *Alpha Cronbach* di mana nilai alpha bagi setiap bahagian melebihi  $\alpha=0.6$ . Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS ver. 15) bagi mendapatkan kekerapan, min dan sisihan piawai. Analisis kajian ini juga menggunakan Ujian-t dan ANOVA. Keputusan dari kajian mendapati bahawa faktor motivasi dan faktor persekitaran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pada tahap sederhana. Manakala terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara pendedahan kepada kursus keusahawanan semasa pengajian, pengalaman keusahawan dan jenis kursus yang diambil terhadap kecenderungan keusahawanan. Dari kajian yang telah dijalankan didapati bahawa pelajar bidang vokasional secara keseluruhannya mempunyai kecenderungan terhadap bidang keusahawanan.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS WAJIB TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Latar Belakang	1
	1.2 Kolej Komuniti	5
	1.3 Pernyataan masalah	8
	1.4 Persoalan kajian	9
	1.5 Objektif kajian	10
	1.6 Kepentingan kajian	11
	1.7 Skop kajian	11



1.8	Batasan kajian	11
1.9	Definisi istilah	12
1.9.1	Kecenderungan keusahawanan	12
1.9.2	Faktor motivasi	12
1.9.2.1	Tarikan personal	13
1.9.2.2	Norma subjektif	13
1.9.2.3	Tanggapan kawalan tingkah laku	13
1.9.3	Faktor persekitaran	14
1.9.3.1	Nilai pendekatan	14
1.9.3.2	Nilai sosial	14
1.9.4	Kemahiran vokasional	15
1.9.5	Pendidikan keusahawanan	15
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Keusahawanan	17
2.2.1	Usahawan	17
2.2.1	Keusahawanan	18
2.3	Ciri-ciri keusahawanan	19
2.4	Kecenderungan keusahawanan	21
2.5	Teori tingkah laku terancang	24
2.4.1	Faktor motivasi	26
2.4.2	Faktor persekitaran	28
2.4.3	Pendidikan keusahawanan	30
2.6	Kajian-kajian lain	35
2.7	Kerangka teori kajian	38
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka bentuk kajian	40
3.2.1	Populasi dan sampel	40
3.2.2	Penentuan bilangan sampel	40
3.2.3	Prosedur persampelan	41
3.2.4	Pembangunan soal selidik	41
3.2.5	Instrumen kajian	42

3.3	Cara pemberian market	46
3.4	Kajian rintis dan pengesahan instrumen	46
3.4.1	Ujian kebolehpercayaan	47
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	49
4.2	Analisis deskriptif	50
4.2.1	Jantina	50
... 4.2.2	Umur	51
4.2.3	Bangsa	52
4.2.4	Maklumat latar belakang pengajian	53
4.2.5	Pengalaman dalam bidang keusahawanan	54
4.3	Persepsi terhadap keusahawanan	54
4.3.1	Persepsi terhadap faktor motivasi dikalangan pelajar	55
4.3.1	Persepsi terhadap factor persekitaran dikalangan pelajar	59
4.4	Ujian inferensi	61
4.4.1	Korelasi Pearson	62
4.4.2	Ujian-t	62
4.4.3	ANOVA	64
4.5	Ringkasan	67
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN PENUTUP</b>	
5.1	Pendahuluan	68
5.2	Perbincangan dan kesimpulan	69
5.3	Cadangan	75
5.4	Cadangan penyelidikan masa hadapan	77
5.5	Penutup	78
	<b>Rujukan</b>	79
	<b>Lampiran</b>	86

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Populasi keseluruhan pelajar KKBP dan KKPG	39
3.2	Kenyataan untuk kecenderungan keusahawanan (pembolehkan Bersandar)	42
3.3	Kenyataan untuk tarikan personel (pembolehkan tidak bersandar)	42
3.4	Kenyataan untuk tanggapan kawalan tingkah laku (pembolehkan tidak bersandar)	43
3.5	Kenyataan untuk norma subjektif (pembolehkan tidak bersandar)	43
3.6	Kenyataan untuk nilai pendekatan (pembolehkan tidak bersandar)	44
3.7	Kenyataan untuk nilai sosial (pembolehkan tidak bersandar)	44
3.8	Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	47
4.1	Taburan responden berdasarkan jantina	50
4.2	Taburan responden berdasarkan umur	51
4.3	Taburan responden berdasarkan bangsa	52
4.4	Taburan responden berdasarkan program	53
4.5	Taburan responden berdasarkan pengalaman	54
4.6	Pembahagian tahap penerimaan responden	55
4.7	Taburan responden berdasarkan persepsi terhadap faktor motivasi dikalangan pelajar mengikut item.	55

4.8	Taburan keseluruhan responden berdasarkan persepsi terhadap faktor motivasi di kalangan pelajar.	58
4.9	Taburan responden berdasarkan persepsi terhadap faktor persekitaran di kalangan pelajar mengikut item.	59
4.10	Taburan keseluruhan responden berdasarkan	61
4.11	Korelasi Kecenderungan Keusahawanan dengan Pendidikan Keusahawanan	62
4.12	Perbezaan Signifikan Terhadap kecenderungan keusahawanan Mengikut Jantina	63
4.13	Perbezaan signifikan terhadap kecenderungan keusahawanan mengikut pengalaman keusahawanan.	63
4.14	Perbezaan signifikan di antara kecenderungan keusahawanan dengan umur	64
4.15	Perbezaan signifikan diantara kecenderungan keusahawanan dengan bangsa	65
4.16	Perbezaan signifikan diantara kecenderungan keusahawanan dengan jenis program yang diambil.	65
4.17	Perbezaan signifikan Post-Hoc diantara kecenderungan keusahawanan dengan jenis program yang diambil.	66

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
2.1	Teori tingkah laku terancang yang diutarakan oleh Ajzen (1991)	25
2.2	Kerangka Umum Proses Menjadi Usahawan - <i>Sumber: Gasse (1990).</i>	33
2.3	Kerangka kajian bagi “kecenderungan pelajar kemahiran vokasional memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan	38

## SENARAI SINGKATAN

MEB	-	Model Ekonomi Baru
PTE	-	Program Transformasi Ekonomi
IPS	-	Inisiatif Pembaharuan Strategik
RMK-9		Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	-	Rancangan Malaysia Kesepuluh
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KKBP	-	Kolej Komuniti Bandar Penawar
KKPG	-	Kolej Komuniti Pasir Gudang
KK		Kolej Komuniti
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
PUSKOM	-	Pusat Keusahawanan Kolej Komuniti
JPKK	-	Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
EIQ	-	<i>Entrepreneurial Intention Questionnaire</i>

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Surat memohon kebenaran mendapatkan maklumat	86
B	Borang soal selidik kajian	87
C	Statistik usahawan unjuran PUSKOM 2011	92
D	Data mentah janaan SPSS ver.15	93

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar belakang**

Setiap tahun negara kita Malaysia dibanjiri dengan graduan-graduan universiti awam dan swasta. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh graduan di institusi pengajian tinggi tidak dapat disalurkan dengan baik untuk pembangunan negara. Menurut perangkaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara menunjukkan sejumlah 45,000 graduan yang menganggur ketika ini. Adakalanya akibat daripada perubahan ekonomi dunia dan kepesatan peningkatan teknologi menyebabkan graduan yang dikeluarkan tidak dapat menepati pasaran kerja. Selain itu juga sikap graduan yang memilih kerja terutama berdasarkan kelayakkan akademik dan mengharapkan kerja makan gaji menyebabkan bidang keusahawanan ini menjadi pilihan kedua apabila gagal mendapatkan pekerjaan. Jika diberi peluang, mereka tetap akan memilih kerjaya konvensional sebagai pilihan kerjaya.

Pembangunan keusahawanan telah dikenalpasti memberi kesan yang besar dalam menghadapi cabaran di era golbalisasi ini. Sedar akan situasi ini, pelbagai langkah telah dilakukan oleh kerajaan agar rakyat berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Proses untuk membudayakan bidang keusahawanan ini telah mula



diterapkan di bangku sekolah lagi hingga ke peringkat pengajian tinggi samada diterapkan secara tidak langsung dalam matapelajaran ataupun secara langsung dengan mewujudkan satu matapelajaran khusus berkaitan keusahawanan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh Usahawan Di Malaysia 2009 peratusan penglibatan usahawan yang berpendidikan menengah dan tertiar semakin meningkat dengan pertambahan mata peratus masing-masing sebanyak 7.7 peratus dan 5.3 peratus sepanjang tempoh tahun 1982 hingga tahun 2008. Peningkatan bilangan dan peratusan usahawan berpendidikan menengah dan tertiar di Malaysia menggambarkan kejayaan usaha kerajaan dalam penyediaan modul keusahawanan pada peringkat pendidikan menengah dan tertiar. Modul tersebut adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran keusahawanan yang relevan dengan pasaran. Hal demikian, mereka mampu berdikari dan kurang bergantung kepada kerajaan atau pihak lain dalam pasaran pekerjaan kelak.

Model Ekonomi Baru (MEB) yang hendak dicapai melalui Program Transformasi Ekonomi (PTE) merupakan satu tonggak utama yang akan melonjakkan Malaysia ke arah status negara maju sejajar dengan matlamat Wawasan 2020. PTE akan dipandu oleh lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik (IPS) yang akan menjadi asas bagi langkah dasar yang relevan dan kebanyakan dasar berorientasikan keusahawanan. Antara IPS yang menyentuh terus kepada pembangunan keusahawanan adalah IPS-1 iaitu menyuburkan kembali sektor swasta dengan antara dasar matlamatnya untuk menghapuskan halangan dan kos untuk menjalankan perniagaan serta membentuk ekosistem bagi keusahawanan dan inovasi. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sangat bersungguh untuk memartabatkan bidang keusahawanan.

Kerajaan amat menyedari bahawa kekurangan modal dan kemahiran teknikal, serta jaringan perniagaan yang tidak meluas merupakan antara *constraints* utama bagi syarikat Bumiputera untuk berkembang, terutamanya dalam sektor baru dan strategik. Sesungguhnya, banyak inisiatif telah pun dilaksanakan untuk membantu usahawan Bumiputera untuk mengatasi halangan-halangan ini. Kerajaan akan terus

berusaha untuk menambah baik inisiatif-inisiatif yang ada serta melaksanakan inisiatif-inisiatif baru. Dari segi sumber pembiayaan, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), kerajaan telah menambah peruntukan sebanyak tiga bilion ringgit dibawah Skim Jaminan Modal Kerja untuk memberi peluang kepada Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) mendapatkan modal kerja daripada institusi-institusi kewangan tempatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1.5 bilion ringgit dikhaskan untuk syarikat-syarikat Bumiputera. Walaubagaimanapun, setakat ini jumlah yang telah digunakan oleh syarikat Bumiputera adalah kurang daripada 300 juta ringgit sahaja, sementara peruntukan bagi syarikat bukan Bumiputera telah hampir digunakan sepenuhnya. Sebagai usaha memastikan syarikat-syarikat Bumiputera dapat memanfaatkan keseluruhan peruntukan skim ini, Kerajaan telah melanjutkan lagi tempoh penggunaan skim ini yang akan berakhir pada tahun ini, sehingga penghujung tahun 2012. Selain itu, kerajaan juga telah meluaskan skop skim ini kepada pembiayaan perbelanjaan modal perniagaan, seperti pembelian alatan atau mesin. Langkah ini akan memudahkan lagi usahawan Bumiputera mempunyai aksesibiliti kepada sumber pembiayaan.

Keusahawanan merupakan elemen penting yang ingin diterapkan dalam Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) kerana keusahawanan mendorong kepada penghasilan inovasi yang akhirnya menggerakkan ekonomi berpendapatan tinggi. Dalam konteks Institusi Pengajian Tinggi (IPT), kementerian telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang bertujuan menggalak dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan menyeluruh. Untuk merealisasikan dasar tersebut, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) telah merancang strategi untuk memartabatkan lagi kolej komuniti dengan memperkenalkan Pelan Penguatan Keusahawanan Kolej Komuniti.

Pelan Penguatan Keusahawanan Kolej Komuniti, memberi tumpuan dalam usaha mewujudkan pelajar Kolej Komuniti dan masyarakat setempat yang memiliki ciri dan kompetensi keusahawanan, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang tinggi selari dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT. Matlamat utama pelan ini ialah untuk menyediakan garis panduan dalam melaksanakan program-program

keusahawanan di Kolej Komuniti bagi tujuan untuk melahirkan lebih ramai modal insan yang mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. Pelan Strategik Pengukuhan Keusahawanan Kolej Komuniti, berdasarkan enam teras Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT iaitu:

- i. Menubuhkan pusat keusahawanan di JPKK dan di Kolej Komuniti
- ii. Menyediakan pendidikan dan program keusahawanan yang terancang dan holistik;
- iii. Memantapkan program pembangunan dan pengukuhan keusahawanan;
- iv. Mewujudkan mekanisme pengukuran yang berkesan;
- v. Menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan keusahawanan; dan
- vi. Mengukuhkan kompetensi penyelaras keusahawanan.

Pusat Keusahawanan Kolej Komuniti atau PUSKOM telah ditubuhkan 17 Mei 2010. PUSKOM telah merancang pelbagai aktiviti dan program yang berteraskan keusahawanan dan sambutan pelajar dan masyarakat sekeliling amat menggalakkan. PUSKOM dibahagikan kepada tujuh zon iaitu Zon Utara, Zon Perak, Zon Selangor, Zon Melaka dan Negeri Sembilan, Zon Johor, Zon Timur dan Zon Borneo. Pelbagai kolaborasi telah dilakukan antara PUSKOM, pelajar, usahawan dan masyarakat setempat. Sebagai contoh, Kolej Komuniti Pasir Gudang menjalankan aktiviti tempahan dan membuat uniform serta baju berfesyen sebagai aktiviti utama keusahawanannya. Manakala Kolej Komuniti Bandar Penawar menjalankan pusat membasuh kenderaan sebagai aktiviti utama keusahawanan mereka. Kejayaan program yang terlaksana menunjukkan bahawa komitmen JPKK dalam membudayakan keusahawanan dan merealisasikan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT sangat tinggi.

## 1.2 Kolej Komuniti

Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia adalah satu institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Pada 5 Julai 2000, Jemaah Menteri telah mempertimbangkan Memorandum No 398/2225/00 yang telah dikemukakan oleh Menteri Pendidikan tentang konsep penubuhan dan pelaksanaan Kolej Komuniti di setiap kawasan parlimen.

Sebanyak 10 buah Kolej Komuniti rintis mula beroperasi pada pertengahan Jun 2001 dan 2 buah lagi pada bulan Disember 2001. Sehingga Julai 2007, sebanyak 35 buah Kolej Komuniti telah beroperasi di seluruh negara. Pada Mac 2004 pula Kolej Komuniti yang berada dalam Jabatan Pendidikan Teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia telah diletakkan di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Lebih banyak Kolej Komuniti sedang dirancang pembinaannya secara berfasa dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) bagi membuka lebih banyak peluang kepada masyarakat setempat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran selaras dengan objektif penubuhan Kolej Komuniti. 2 lagi kolej baru telah mula beroperasi bermula Sesi Januari 2008 menjadikan jumlah keseluruhan kolej komuniti adalah sebanyak 37 buah. Pada 15 September 2009, Sektor Pengurusan Kolej Komuniti telah dinaik taraf ke Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dan diketuai oleh seorang Ketua Pengarah. Jabatan ini juga telah ditambah 3 bahagian yang baru iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan Dasar dan Kurikulum dan Bahagian Hubungan Industri, Pengesanan Graduan dan Alumni.

Visi kolej komuniti ialah menjadi pusat perkembangan pendidikan dengan iltizam untuk membina komuniti yang berilmu dan berkemahiran seiring dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Manakala misinya pula adalah meluaskan akses pendidikan, meningkatkan taraf sosio ekonomi dan kesejahteraan masyarakat melalui program latihan, kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat.

Subjek yang di tawarkan adalah berbentuk sijil kemahiran yang perlu diambil dalam tempoh masa dua tahun. Walaupun pihak kolej komuniti sangat menggalakkan pelajaranya bekerja sendiri atau dengan kata lainnya menjadi usahawan selepas tamat pengajian tetapi ada sesetengah kursus ataupun program yang ditawarkan tidak menerapkan elemen pendidikan usahawan secara langsung iaitu dengan menawarkan subjek khusus pendidikan keusahawanan. Penerapan hanya dibuat secara tidak langsung melalui amalan praktikal yang dibuat. Ini menyebabkan pelajar tidak mempunyai asas pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang betul dan kukuh.

Menurut Zaidatol dan Habibah (2004) walaupun usahawan bumiputera telah lama menceburkan diri dalam bidang pendidikan secara amnya kemahiran keusahawanan mereka tidak tinggi tetapi bertaraf sederhana sahaja. Pengalaman sahaja tidak memadai dalam meningkatkan pengetahuan usahawan. Menurut mereka lagi, ini terbukti apabila didapati lebih 50% usahawan tidak mempunyai kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan '*routine*' dalam menjalankan sesebuah perniagaan. Berikut adalah senarai program yang ditawarkan oleh kolej komuniti:

**Jadual 1.1** Program yang menawarkan dan tidak menawarkan subjek pendidikan keusahawanan

Bil	Program	Subjek Pendidikan Keusahawanan
1	Sijil Multimedia Kreatif (Animasi)	Tiada
2	Sijil Perakaunan Perniagaan	Ada
3	Sijil Teknologi Pembuatan Bersepadu	Tiada
4	Sijil Multimedia Kreatif (Pengiklanan)	Ada
5	Sijil Automotif	Tiada
6	Sijil Penyejukan dan Penyamanan Udara	Tiada
7	Sijil Pelukis Pelan Senibina	Tiada
8	Sijil Pelancongan dan Pengembaraan	Tiada
9	Sijil Penyenggaraan Bangunan	Tiada
10	Sijil Rekabentuk Dalaman	Ada
11	Sijil Teknologi Elektrik (Pemasangan & Perkhidmatan)	Tiada
12	Sijil Lanskap dan Pengurusan Nurseri	Tiada
13	Sijil Sistem Komputer dan Sokongan	Tiada
14	Sijil Kecantikan dan Dandananan Rambut	Ada
15	Sijil Hotel dan Katering	Ada
16	Sijil Bakeri dan Konfeksionari	Ada
17	Sijil Fesyen dan Pakaian	Ada
18	Sijil Industri Seramik	Ada
19	Sijil Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan	Tiada
20	Sijil Teknologi Pembuatan Perabot	Tiada
21	Sijil Teknologi Pembinaan	Tiada
22	Sijil Agro Industri	Tiada
23	Sijil Teknologi Maklumat	Ada

Kebanyakan program tidak menawarkan subjek pendidikan keusahawanan. Hanya program tertentu yang berkait rapat dengan perniagaan sahaja yang menawarkan subjek keusahawanan. Oleh itu diharap kajian ini akan dapat

mengenalpasti keperluan subjek pendidikan keusahawanan untuk setiap program yang ditawarkan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kebiasaanya ilmu keusahawanan lebih didominasi dan diajar kepada pelajar yang terlibat secara langsung dengan disiplin bidang perniagaan, tidak kepada pelajar kemahiran vokasional. Kalau adapun, pelajar kemahiran vokasional hanya diajar bagaimana ciri-ciri seorang usahawan ataupun bagaimana untuk membuka sebuah perniagaan yang diterapkan secara tidak langsung melalui penerapan elemen keusahawanan di dalam matapelajaran tertentu. Elemen-elemen keusahawanan penting yang lain seperti mengenalpasti peluang, kemahiran memulakan perniagaan, menghasilkan produk yang baru, menguruskan perniagaan, pemasaran, promosi dan pengiklanan serta kemahiran jualan tidak dapat diterapkan dalam diri pelajar. Ini akan menyukarkan pelajaran aliran kemahiran vokasional yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk memulakan perniagaan.

Sebagai pelajar yang berlatarbelakang kemahiran vokasional sudah semestinya mereka adalah tenaga kerja yang mempunyai kemahiran tertentu dan kebanyakan mereka inilah juga yang mencetuskan atau empunya kepada idea asal untuk sesuatu produk. Tetapi malangnya mereka sendiri tidak dapat menguruskan idea mereka ini untuk bekerja sendiri. Sedar akan keadaan dimana pelajar aliran vokasional ini tidak mempunyai kemahiran keusahawanan yang kukuh untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan, maka pengkaji cuba untuk meninjau sejauhmana kecenderungan pelajar vokasional ini ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Ada juga komen mengatakan bahawa pelajar vokasional sangat sempit pemikirannya berkaitan perpektif bekerja sendiri, tidak berminat untuk menceburkan diri dalam bidang lain yang tiada kaitan dengan kemahiran mereka dan juga dikatakan hanya menjadi seorang yang mencari pekerjaan bukannya sebagai

seorang yang membina kerjaya sendiri. Maka dengan pernyataan tersebut, sudah tiba masanya untuk pihak yang berkaitan memperkenalkan matapelajaran keusahawanan sebagai matapelajaran wajib untuk pelajar kemahiran vokasional. Melalui kajian yang akan dijalankan ini, pengkaji berharap dapat meninjau kecenderungan pelajar kemahiran vokasional terhadap bidang keusahawanan sebagai kerjaya

#### **1.4 Persoalan Kajian**

- i. Apakah motivasi pelajar terhadap kecenderungan keusahawanan?
- ii. Apakah faktor persekitaran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dikalangan pelajar?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara kecenderungan keusahawanan dengan pendedahan kepada pendidikan keusahawanan?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecenderungan keusahawanan pelajar berdasarkan dengan beberapa faktor demografik iaitu umur, bangsa, jantina, jenis program yang diambil dan pengalaman keusahawanan dikalangan pelajar Kolej Komuniti?



## 1.5 Objektif Kajian

Untuk mencapai matlamat kajian dan menjawab persoalan kajian, empat objektif telah ditetapkan sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini iaitu:

- i. Mengenalpasti motivasi pelajar terhadap kecenderungan keusahawanan.
- ii. Mengenalpasti faktor persekitaran terhadap kecenderungan keusahawanan dikalangan pelajar.
- iii. Mengenalpasti samada terdapat hubungan yang signifikan diantara kecenderungan keusahawanan dengan pendedahan dalam pendidikan keusahawanan.
- v. Mengenalpasti samada terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan pelajar berdasarkan beberapa faktor demografik iaitu umur, bangsa, jantina, jenis kursus yang diambil dan pengalaman keusahawanan dikalangan pelajar Kolej Komuniti.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Keputusan daripada kajian yang dijalankan ini membolehkan pihak yang berkaitan dengan pendidikan khususnya kolej komuniti dapat mengenalpasti faktor yang mendorong seseorang itu cenderung ke arah memilih kerjaya sebagai seorang usahawan. Implikasi daripada keputusan kajian juga boleh dijadikan panduan untuk Kolej Komuniti membina satu set model kursus keusahawanan yang paling diperlukan oleh pelajar kemahiran vokasional jika mereka terlibat dengan bidang keusahawanan seiring dengan perkembangan semasa.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini hanya menggambarkan kecenderungan keusahawanan pelajar tahun akhir di dua buah Kolej Komuniti daripada pelbagai bidang kemahiran yang diambil iaitu KKBP dan KKPG.

## **1.8 Batasan Kajian**

Batasan untuk kajian ini ialah:

- i. Kajian ini hanya dijalankan dikalangan pelajar kemahiran vokasional tahun akhir pengajian di Kolej Komuniti Bandar Penawar dan Kolej Komuniti Pasir Gudang sahaja.

- ii. Dapatan kajian ini mungkin tidak mewakili keseluruhan pelajar tahun akhir kolej komuniti ataupun institusi kemahiran yang lain.
- iii. Maklumat yang diperolehi dalam kajian ini bergantung kepada kejujuran responden ketika menjawab soalan soal selidik yang dikemukakan.

## **1.9 Definisi Istilah**

### **1.9.1 Kecenderungan Keusahawanan**

Kecenderungan keusahawanan digambarkan sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu hasil keusahawanan (Hisrich, Peters dan Shephard, 2008). Kecenderungan terhadap keusahawanan juga ada kaitan dengan sikap individu berkenaan terhadap risiko dan berdikari. Seseorang yang mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi akan mempamerkan sikap yang lebih positif terhadap risiko dan berdikari (Douglas dan Shepherd, 2002).

### **1.9.2 Faktor Motivasi**

Ciri-ciri faktor motivasi yang dikaji adalah dari segi tarikan personel, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku seperti berikut:

### **1.9.2.1 Tarikan personal**

Tarikan personal atau sikap terhadap kelakuan adalah tarikan dalam membuat pertimbangan mengenai sesuatu kelakuan atau keadaan individu dalam membuat keputusan untuk menjadi usahawan. Pertimbangan atau keputusan tersebut dibuat sama ada dari sudut positif atau negatif (Ajzen, 1991, 2002).

### **1.9.2.2 Norma subjektif**

Manakala, bagi norma subjektif pula mengikut Ajzen (1991, 2002) merujuk kepada tekanan sosial yang dirasakan oleh seseorang untuk samada bertindak atau tidak terhadap kelakuan yang dikehendaki oleh mereka di sekelilingnya.

### **1.9.2.3 Tanggapan kawalan tingkah laku**

Tanggapan kawalan tingkah laku pula adalah keadaan di mana seseorang itu merasai mudah atau sukar untuk melaksanakan sesuatu perlakuan itu, yang mana ia juga turut merangkumi pengalaman masa lalu dalam memberi kesan termasuk halangan dan rintangan yang dihadapi (Ajzen, 1991, 2002).

### **1.9.3 Faktor persekitaran**

Ciri-ciri faktor persekitaran yang dikaji pula adalah merangkumi nilai pendekatan dan nilai sosial seperti berikut:

#### **1.9.3.1 Nilai pendekatan**

Linan et al. (2007) mentakrifkan nilai pendekatan mempunyai kaitan dengan hubungan rapat yang dibentuk dengan mereka yang terdekat dengan seseorang itu iaitu kaum keluarga atau rakan-rakan. Mereka ini memberi pengaruh secara terus dalam penentuan keputusan kerjaya seseorang itu.

#### **1.9.3.2 Nilai sosial**

Dari sudut nilai sosial pula, budaya memainkan peranan utama untuk mengenal pasti perlakuan keusahawanan (Zahra, Jennings dan Kuratko, 1999). Menurut Thomas dan Muller (2000), nilai sosial telah menjadi asas kepada sistem nilai yang khusus kepada sesuatu kumpulan atau masyarakat. Ia menjadi asas kepada pembangunan personaliti serta persepsi terhadap kemampuan individu ke arah aktiviti keusahawanan.

### **1.9.3 Kemahiran Vokasional**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996) bahawa kemahiran didefinisikan sebagai kecekapan dan kepandaian seseorang dalam bidang tertentu. Latihan vokasional dapat didefinisikan sebagai kaedah pembelajaran berasaskan pekerjaan yang dapat meningkatkan kemahiran dan produktiviti seseorang melalui pusat latihan, institusi dan persekitaran tempat kerja (Tsang, 1999). Menurut Deraman et al. (2002) dan Carnoy (1994), latihan vokasional adalah pengetahuan dan kemahiran berdasarkan bidang pekerjaan yang diperolehi atau dibangunkan melalui proses pembelajaran.

### **1.9.43 Pendidikan Keusahawanan**

Pendidikan keusahawanan menekankan proses pembinaan manusia yang berorientasikan keusahawanan (Kent, 1990).

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Yusof (1998). *Asas-Asas Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall (M) Sdn.Bhd.
- Ahmad Berek (1976). *Melahirkan Usahawan Bumiputera:Merdeka Pulihkan Semangat Usahawan*. Pusat Daya Pengeluaran Negara
- Agarwala, T. (2008). Factors influencing career choice of management students in India. *Career Development International*, 13 (4), 362-376.
- Ahmed, A.M., Zairi, M. & Almarri, K.S. (2006). *Benchmarking: An International Journal*, 13(1/2), 160-173.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211).
- Ajzen, I. (2002). Perceived Behavioral Control, Self-Efficacy, Locus of Control, and The Theory of Planned Behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32(4), 665- 683.
- Allen, K.R. (2003). *Launching New Ventures. An Entrepreneurial Approach* (3rd ed.). US:Houghton Mifflin Company.
- Auken, H. V., Fry, F.L., & Stephens, P. (2006). The Influence of Role Models on Entrepreneurial Intentions. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 11 (2), 157-167.
- Autio, E., Keeley, R.H., Klofsten, M. & Ulfstedt, T.(1997). *Entrepreneurial intent among students: testing an intent model in Asia, Scandinavia, and USA*. *Frontiers of Entrepreneurship Research*, Vol. 17.
- Badrul Hisham (1995). *Pengaruh Pendidikan Formal dan Tidak Formal terhadap Prestasi Usahawan*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 110
- BenDaniel, D. (1999). *Center of Entrepreneurial Leadership of the Ewing Kauffman Foundation and the Johnson Graduate School of Management, Cornell University*.

- Bird, B. & Jelinek, M. (1988). The Operation of Entrepreneurial Intention. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 13(2), 21-29.
- Brandstatter, H. (1997). Becoming an entrepreneur – a question of personality structure? *Journal of Economic Psychology*, 18(2-3), 157–177.
- Brenner, O.C., Pringle, C.D. & Greenhaus, J.H. (1991). Perceived fulfillment of organizational employment versus entrepreneurship: Work values and career intentions of business college graduates. *Journal of Small Business Management*, 29(3), 62–74.
- Brockhaus, R.H. (1987). Entrepreneurial folklore. *Journal of Small Business Management*, 25(3), 1–6.
- Brown, R. (1990). Encouraging enterprise: Britain's graduate enterprise program. *Journal of Small Business Management*, 28(4), 71–77.2
- Bygrave, W.D. (1997). *The Portable MBA in Entrepreneurship* (2nd ed.). US: John Wiley and Sons, Inc.
- Career Choice Intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 20(3), 23-31.
- Chien, D.J., Liang, T.W. & Soon, C.T. (1996). Entrepreneurship Inclination of Singapore Business Students. *Journal of Enterprising Culture*, 4 (2), 209-223.
- Choo, S. & Wong, M. (2006). Entrepreneurial Intention: Triggers and Barriers to New Venture Creations in Singapore. *Singapore Management Review*, 28 (2), 47-64.
- Cooper, D.R. & Schindler, P.S. (2007). *Business Research Method*:9th edition. New York: McGraw Hill.
- Chen, C.C. et al. (1998) *Does Entrepreneurial Self-Efficacy Distinguish Entrepreneurs From Managers?:* *Journal of Business Venturing*,13 (4), 295-316.
- Davidsson, P. (1995). Determinants of Entrepreneurial Intentions. *Working Paper presented at RENT IX Workshop, Piacenza, Italy, November 23-24, 1995.*
- Doughlas, E.J., & Shepherd, D.A. (2002). Self-Employment as a Career Choice: Attitudes, Entrepreneurial Intentions, and Utility Maximization. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 81-90.
- Evans, Dylan Jones (1995). *A Typology of Technology-Based Entrepreneurs: A Model Based on Previous Occupational Background.* *International Journal of Entrepreneurial Behavior and Research*. 1 (1):26-47.



- Fleming, P. (1992). *The Role of a Structured Intervention in Shaping Graduate Entrepreneurship*, Unpublished Thesis, University of Limerick.
- Fleming, P. (1994). The role of structured interventions in shaping graduate entrepreneurship. *Irish Business and Administrative Research*, 15, 146–157.
- Gelderen, M.V., Brand, M., Praag, M.V., Bodewes, W., Poutsma, E., & Gils, A.V. (2008). Explaining entrepreneurial intentions by means of the theory of planned behavioural. *Career Development International*, 13(6), 538-559.
- Greenbank, P. & Hepworth, S. (2008). Improving the career decision-making behaviour of working class students: Do economics barriers stand in the way? *Journal of European Industrial Training*, 32(7), 492-509.
- Gillin, L. M., and M. Powe M. (1994). *Added Value From Teaching Entrepreneurship And Innovation* (Abstract). *Frontiers of Entrepreneurship Research 1994 Edition*, 687--689.
- Hart, M. and Harrison, R. (1992) *Encouraging Enterprise In Northern Ireland: Constraints And Opportunities*. *Irish Business and Administrative Research*. 13, 104-116.
- Hills, G.E. and Welsch, H.P (1986). *Entrepreneurship Behavioral Intentions And Student Independence, Characteristics And Experiences*, In *Frontiers Of Entrepreneurial Research*, Eds, Ronstadt et al. Wellesley, MA. Babson College.
- Humam Hj. Mohamed (1992). *Keusahawanan di Malaysia, Asas Keusahawanan*. Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), Institusi Teknologi Mara, Shah Alam.
- Hart, M. and Harrison, R. (1992). Encouraging enterprise in Northern Ireland: Constraints and opportunities. *Irish Business and Administrative Research*, 13, 104–116.
- Henderson, R. & Robertson, M. (2000). Who wants to be an entrepreneur? Young Adult attitudes to entrepreneurship as a career. *Career Development International*, 5 (6), 279-287.
- Hisrich, R.D., & Peters, M.P. (2002). *Entrepreneurship* (5th ed). US: The MacGraw-Hill Companies, Inc.
- Hisrich, R.D. & Peters, M.P. (1995). *Entrepreneurship: Starting, Developing, and Managing a New Enterprise* (3rd ed). Chicago: Irwin.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P & Shephard D.A. (2008). *Entrepreneurship (International Edition)*. Singapore: The McGraw-Hill Education Asia.
- Jackson, T. & Vitberg, A.K. (1987). Career Development, Part 1: Careers and Entrepreneurship. *Personnel*, 64 (2).

- Jabatan Perangkaan Malaysia (2009). Siaran khas penyiasatan tenaga buruh. *Usahawan di Malaysia. Siri 4Bil 1/2009*.
- Johnson, B.R. (1990). Toward a multidimensional model of entrepreneurship: the case of achievement motivation and the entrepreneur. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 14(3), 39–54.
- Kim Woo Choong (1994). *Usahawan Asia: Kekayaan Ada Di Mana-Mana Edisi Ketiga*. Shah Alam. Time Edisional Ptc. Ltd.
- Koh, Hian Che (1996). *Testing Hypotheses Of Entrepreneurial Characteristics: A Study Of Hong Kong MBA Students*. *Journal of Managerial Psychology*. 11 (3) :12-25
- Kalafatis, S.P., Pollard, M., East, R. & Tsogas, M.H. (1999). Green marketing and Ajzen's theory of planned behavior: a cross-market examination. *Journal of Consumer Marketing*, 16(5), 441-460.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Kaplan, J.M. (2001). *Getting Started in Entrepreneurship*. Canada: John Wiley and Sons, Inc.
- Kaplan, J.M. & Warren, A.C. (2007). *Patterns of Entrepreneurship* (2nd edition). US:John Wiley and Sons Inc.
- Karr, A.R. (1985). Labor letter. *The Wall Street Journal*, 1 November.
- Kolvereid, L. (1996). Organizational Employment versus Self-Employment: Reasons for
- Kolvereid, L. (1996). Prediction of Employment Status Choice Intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 21(1), 47-57.
- Kolvereid, L. & Moen, O. (1997). Entrepreneurship among business graduates: does a major in entrepreneurship make a difference?. *Journal of European Industrial Training*, 21 (4), 1-10.
- Kristiansen, S., & Indarti, N. (2004). Entrepreneurial Intention among Indonesian and Norwegian Students. *Journal of Enterprising Culture*, 12, 55-78.
- Krueger, N.F. & Carsrud, A.L. (1993). Entrepreneurial intentions: Applying the theory of planned behaviour. *Entrepreneurship & Regional Development*, 5, 315-330.
- Krueger, N.F., Reilly, M. D. & Carsrud, A.L. (2000). Competing Models of Entrepreneurial Intentions. *Journal of Business Venturing*, 15, 411-432.

- Lena, L. & Wong, P.K. (2003). Attitude Towards Entrepreneurship Education and New Venture Creation. *Journal of Enterprising Culture*, 11(4), 339-357.
- Linan, F., Urbano, D., & Guerrero, M. (2007). Regional Variations in Entrepreneurial Cognitions: Start-up Intentions of University Students in Spain. *Paper presented at the Babson Conference, Madrid, 2007.*
- McMullan, W. E., and K. H. Vesper (1987) *Universities And Community Venture Development*. In R. G. Wyckam, L. N.
- Md. Mohar Mohamad dan Dr. Mohd Hassan Mohd Osman (2002). *Menilai, Mengukuh dan Memantapkan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera di Negeri Johor Darul Takzim*. Bengkel Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera Negeri Johor, Hotel Hyatt Regency, Johor Bahru.
- MEDEC (Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia) (1992). *Laporan Tahunan MEDEC*. Malaysia.
- Mohd. Hassan (2007). *Faktor-faktor yang telah mendorong graduan dan ALUMNI Universiti Teknologi Malaysia menceburi bidang keusahawanan*. Penerbitan UTM
- Mohamad Abdul Hamid (1996). *Fokus Perniagaan*. Didik Niaga vol:1 Edisi Pertama. Kuala Lumpur. Karangpena Publisher.
- Mahmood, R. & Bakar, H. (2002). *Seminar Dinamika Perubahan Siri Ketiga, Universiti Utara Malaysia*, 28 Julai 2002.
- Nabi, G. & Holden, R. (2008). Graduate entrepreneurship: intentions, education and training. *Education + Training*, 50(7), 545-551.
- Nor Aishah Buang (2002). *Asas Keusahawanan*. Fajar Bakti. Polygraphic (M) Sdn. Bhd.
- Pennings, J. and Kimberly, J. (1997). *Environmental influences on the creation process*. In Miles, R. (ed.). *The Organizational Life Cycle. Issues in the creation, Transformation, and Decline of Organizations*, San Francisco CA: Jossey-Bass, pp. 135–160.
- Ramayah, T. & Harun, Z. (2005). Entrepreneurial Intention among the Students of Universiti Sains Malaysia (USM). *International Journal of Management and Entrepreneurship*, 1(1), 8-20.
- Rasheed, H. & Rasheed, B. (2003). Developing Entrepreneurial Characteristics in Youth: The Effects of Education and Enterprise Experience. *Ethnic Entrepreneurship: Structure and Process*, ed: Stile, C. & Gabraith, C: Elsevier Science, Amsterdam.

- Robinson, P.B., Stimpson, D.V., Huefner, J.C., & Hunt, H.K. (1991). An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 15(4), 13-31.
- Ronstadt, R.C. (1985). *The Educated Entrepreneurs: A New Era of Entrepreneurship Education is Beginning*. American Journal of Small Business. 10(1).
- Sagie, A. & Elizuir, D. (1999) Achievement motive and entrepreneurial orientation: a structural analysis. *Journal of Organizational Behavior*, 20(3), 375–387.
- Segal, G., Borgia, D., & Schoenfeld, J. (2005). The motivation to become an entrepreneur. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 11 (1), 42-57.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach* (Fourth Edition). Kundli: John Wiley & Sons.
- Shapiro, A. (1984). The entrepreneurial event In Kent, C.A. (ed.). *Environment for Entrepreneurship*, Lexington: Heath, pp. 21–40.
- Shaver, K.G. & Scott, L.R. (1991). Person, process, choice: the psychology of new venture creation. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 16(2), 23–45.
- Shigenobu, T. (2007). Evaluation and Usability of Back Translation for Intercultural Communication. N. Aykin (Ed.): *Usability and Internationalization*, Part II, HCII 2007, 259-265.
- Souitaris, V., Zerbinati, S. & Al-Laham, A. (2007). Do entrepreneurship programmes raise entrepreneurial intention of science and engineering students? The effect of learning, inspiration and resources. *Journal of Business Venturing*, 22 (4), 566- 591.
- Stumpf, S.A. & Tymon, Jr. W.G. (2001). Consultant or entrepreneur? Demystifying The “war for talent”. *Career Development International*, 6 (1), 48-56.
- Tan, W.L., Siew, L.K., Tan, W.H. & Wong, S.C. (1995). Entrepreneurial Spirit Among Tertiary Students in Singapore. *Journal of Enterprising Culture*, 3 (2), 211-227.
- Thomas, A.S. & Muller, S.L. (2000). A case for comparative entrepreneurship: Assessing the relevance of culture. *Journal of International Business Studies*, 31(2), 287-305.
- Turker, D. & Selcuk, S.S. (2009). Which factors affect entrepreneurial intention of university students? *Journal of European Industrial Training*, 33(2), 142-159.
- Teresa V Menzies, Joseph C Paradi (2002). *Encouraging Technology-Based Ventures: Entrepreneurship Education And Engineering Graduates*. New England Journal of Entrepreneurship Fall 2002. Vol. 5, Iss. 2; pg. 57, 8 pg.

- Yep Putih (1985). *Keusahawanan edisi pertama*. Kuala Lumpur. Dewan bahasa dan Pustaka.
- Wickham, P.A. (2004). *Strategic Entrepreneurship* (3rd ed.). Harlow: Prentice Hall
- Zahra, S.A., Jennings, D.F., & Kuratko, D.F. (1999). The antecedents and consequences of firm-level entrepreneurship: The state of the field. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 24(2), 45-63.
- Zaidatol, Habibah (2004). Keupayaan usahawan bumiputera melaksanakan kemahiran keusahawanan : *Satu kajian kes*. Universiti Putra Malaysia Press